

JULAI '15

ISSN 2229-824X



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA

JPS CARELINE 1 300 80 1010
www.water.gov.my

MENJADI ANTARA ORGANISASI SEKTOR AWAM YANG UNGGUL DI DUNIA



JPS Updates

SELAMAT DATANG

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

YB DATUK IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

YBHG. DATO' AZIZAN BIN AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR



LIVE PAINTING
WITH CHINA
PANDA MASTER
ZOO NEGARA
MALAYSIA

m/s 03



MAJLIS IFTAR &
PENYAMPAIAN
SUMBANGAN

m/s 04



KAJIAN HAKISAN
PANTAI NEGARA
(NATIONAL
COASTAL EROSION
STUDY)

m/s 06



LAWATAN
TEKNIKAL
DARIPADA
DELEGASI
KOREA 2015

m/s 07

PROGRAM WAKE UP CALL INTEGRITI

Oleh: Unit Integriti

Objektif program ini diadakan selain daripada memperkenalkan Unit Integriti JPS Malaysia dari segi fungsi dan peranan kewujudannya, program ini turut memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di JPS Bahagian dan Negeri mengenai kesalahan rasuah dan hubung kaitnya dengan penjawat serta perkhidmatan awam dengan memberi penekanan terhadap kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh penjawat awam dan contoh-contoh kes integriti yang melibatkan pegawai JPS Malaysia.

Unit Integriti Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menganjurkan Program Wake Up Call Integriti di JPS Bahagian Siri 5 Tahun 2015 sepanjang bulan Julai 2015. Program ini adalah merupakan salah satu program pengukuhan integriti di Jabatan dan taklimat telah disampaikan oleh Ketua Unit Integriti JPS iaitu Ir. Hj. Norlida binti Mamad @ Samad.

Program Wake Up Call bagi bulan Julai 2015 telah diadakan di dua (2) Bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Banjir (BPB) dan Bahagian Projek Khas (BPK). Program Wake Up Call di Bahagian Pengurusan Banjir (BPB) telah diadakan pada 10 Julai 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat BPB. Program ini turut dihadiri oleh Pengarah BPB dan seramai 30 orang pegawai serta kakitangan BPB telah menghadiri program ini.

Seterusnya, program ini telah diadakan di Bahagian Projek Khas (BPK) pada 30 Julai 2015 dan bertempat di Bilik Mesyuarat BPK. Pengarah BPK juga turut hadir dan memberi sokongan atas penganjuran program ini di BPK. Seramai 25 orang telah menghadiri program ini dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ketua Unit Integriti JPS.

Hasil daripada program ini, diharap dapat memberi kesedaran kepada pegawai dan kakitangan di JPS Bahagian mengenai kepentingan integriti sebagai penjawat awam demi memartabatkan perkhidmatan awam. Selain itu, ia dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pegawai dan kakitangan tentang kewujudan Unit Integriti JPS Malaysia serta peranan dan fungsinya di Jabatan. Program ini juga dijangka dapat memberi pengajaran dan kesedaran kepada pegawai dan kakitangan mengenai kesalahan-kesalahan integriti yang boleh membawa kepada tindakan tatatertib. Semua JPS Bahagian juga diharap dapat mengubah amalan-amalan yang tidak berintegriti yang boleh mewujudkan ruang dan peluang penjawat awam untuk terjebak dalam gejala negatif dan boleh menjejaskan integriti sebagai penjawat awam.



LIVE PAINTING WITH **China Panda Master** ZOO NEGARA MALAYSIA

Oleh: Bahagian Bangunan Dan Infrastruktur

Bersempena dengan penempatan sepasang Giant Panda di negara ini pada 1 Jun 2015, Zoo Negara telah menganjurkan satu program *Live Painting With China Panda Master* di Zoo Negara Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia dan telah dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Haji Nik bersama-sama Pengurusan Tertinggi NRE, dan beberapa wakil Agensi di bawah NRE. JPS Malaysia telah diwakili oleh En. Azren bin Khalil (Timbalan Pengarah Bahagian Bangunan dan Infrastruktur) ke sesi lawatan tersebut.

Tujuan program adalah bagi memberi pendedahan mengenai seni lukisan panda dan dapat melihat secara langsung seni lukisan panda yang dihasilkan bersama Panda Master, Mr. Liu Jinquan @ Jing Quan yang merupakan CEO *Chinese Association of Traditional Chinese Painting Artists*.

Tetamu kehormat dan semua jemputan telah mengadakan lawatan ke *Gallery Panda Master* yang mempamerkan 60 lukisan termasuk 2 lukisan berhargabertajuk '*Blessing in the Jungle*' dan '*Joyful Family*'.



TAKLIMAT PENGGUNAAN DATA SATELIT DALAM PENGURUSAN BENCANA DI MALAYSIA

Oleh: Bahagian Korporat



Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menganjurkan satu sesi taklimat khas kepada pihak JICA pada 7 Julai 2015 bagi mengenalpasti peluang kerjasama dengan sembilan (9) agensi dalam negara yang berkaitan dengan satelit dalam pelaksanaan projek latihan seterusnya oleh pihak JICA. Pada sesi tersebut, JPS Malaysia telah diamanahkan untuk membentangkan Penggunaan Data Satelit dalam Pengurusan Bencana yang melibatkan banjir. Pengisian pembentangan tersebut telah disediakan dengan kolaborasi empat bahagian yang diketuai oleh Ir. Sabri bin Abdul Mulok (BKOR), En. Mohamad Hafiz bin Hassan (BPLS), En. Wan Hazdy Azad bin Wan Abdul Majid (BPSAH) dan Pn. Siti Hawa Adila binti Mohd. Yusof (BPB) dan telah dibentangkan oleh En. Idris bin Yusof, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir pada sesi bersama MKN tersebut.

Susulan pada itu, satu perbincangan di antara pihak JPS Malaysia dan Delegasi JICA/PASCO Corp JAPAN telah diadakan pada 10 Julai 2015. Perbincangan telah dipengerusikan oleh Ir. Hj Nishad Mohamed Bin Hj. C.J. Mohd. Shaffy (Pengarah BKOR) dan dihadiri oleh wakil daripada BPB, BKOR, BPSAH dan BPLS. Antara agenda utama yang telah diperbincangkan adalah sejauhmana pengurusan data berkenaan Pengurusan Banjir diuruskan dan dikongsikan oleh JPS, kesediaan dan pengurusan sumber manusia JPS dalam mengatur pegawai dalam membangunkan modal insan, aplikasi Amaran dan Ramalan Banjir yang sedang dan akan dibangunkan dan perbincangan peluang-peluang bagi menghantar pegawai JPS mengikut kursus-kursus JICA yang berkaitan dengan pengurusan bencana.

Ala Iftar & Penyampaian Sumbangan

KEPADA ANAK-ANAK YATIM
PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN IKHWAN, SHAH ALAM

Oleh: Jawatankuasa Pembangunan Islam JPS



Pada 8 Julai 2015 bersamaan 21 Ramadhan 1436H, satu Majlis Iftar (berbuka puasa) dan Penyampaian Sumbangan Kepada Anak-Anak Yatim Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Ikhwan Shah Alam telah diadakan di Dewan Auditorium JPS Ampang dan Surau An-Nur.

YB Datuk Seri G.Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar meluangkan masa hadir ke majlis berbuka puasa bersama-sama YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg Dato' Ir Hj Zulkefli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS dan YBhg Tuan Haji Shahimi bin Sharif (Mantan Pengerusi) Jawatankuasa Pembangunan Islam JPS.

Majlis ini diserikan dengan Tazkirah Ramadhan yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Zaifuddin bin Md. Rasip, majlis berbuka puasa dan menyampaikan sumbangan ikhlas kepada anak-anak yatim, serta solat terawih.

Kata-kata Hikmah

**"HIDUP MEMERLUKAN PENGORBANAN.
PENGORBANAN MEMERLUKAN
PERJUANGAN. PERJUANGAN
MEMERLUKAN KETABAHAN. KETABAHAN
MEMERLUKAN KEYAKINAN. KEYAKINAN
PULA MENENTUKAN KEJAYAAN. KEJAYAAN
PULA AKAN MENENTUKAN KEBAHAGIAN"**



TAKLIMAT TMDL (TOTAL MAXIMUM DAILY LOAD)

Oleh: Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai

Satu Taklimat Pengenalan Kepada TMDL (*Total Maximum Daily Load*) telah diadakan pada 19 Jun 2015 di Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Assoc. Prof. Ir. Dr. Zaki Zainudin dari Jabatan Kejuruteraan Bioteknologi, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Beliau sangat dikenali sebagai pakar alam sekitar dalam bidang penilaian dan permodelan kualiti air, dan telah menentuai lebih 80 kajian alam sekitar untuk sektor kerajaan dan swasta.



Taklimat ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ir Hj Mohd Azmi bin Ismail, Timbalan Pengarah BPLS dan telah dihadiri oleh warga JPS Ibu pejabat.



TMDL (*Total Maximum Daily Load*) adalah istilah yang digunakan dalam *U.S. Clean Water Act*. Ia adalah suatu pengiraan nilai jumlah maksimum pencemar yang dapat diterima oleh air dan masih memenuhi piawaian kualiti air.

Menurut *United States Environmental Protection Agency*:

A TMDL is a calculation of the maximum amount of a pollutant that a waterbody can receive and still meet water quality standards, and an allocation of that load among the various sources of that pollutant. Pollutant sources are characterized as either point sources that receive a wasteload allocation (WLA), or nonpoint sources that receive a load allocation (LA).



Dalam taklimat ini peserta didedahkan dengan pengenalan asas kepada TMDL seperti kegunaan dan aplikasi TMDL dalam pengawalan kualiti air berserta contoh aplikasi TMDL dari dalam dan luar negara.

KAJIAN HAKISAN PANTAI NEGARA (NATIONAL COASTAL EROSION STUDY)

Oleh: Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Bahagian Pengurusan Zon Pantai telah menganjurkan satu Bengkel NCES Siri 1 yang bertempat di Dewan Auditorium, JPS Ampang pada 4 Jun 2015. Bengkel ini dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai Ir. Leong Tak Meng dan 40 orang peserta lain di mana, kehadiran terdiri dari 9 UPEN Negeri, 17 JPS Negeri, 12 Agensi Pusat, 2 Pihak Berkuasa Tempatan.



Bengkel ini diadakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada agensi-agensi yang terlibat secara langsung mahupun tidak secara langsung berkenaan NCES. Ia dibahagikan kepada tiga (3) fasa iaitu Fasa Pertama (Informasi), Fasa Kedua (Hasil Kajian Berdasarkan Lawatan Tapak) dan Fasa Ketiga (Penyertaan Pihak-pihak Berkepentingan).

Fasa Pertama

Fasa ini menerangkan tentang pengenalan kajian dan tujuan bengkel diadakan dan pembentangan Laporan Kajian Interim yang telah dijalankan oleh pasukan kajian.



Fasa Kedua

Pasukan kajian membentangkan hasil kajian interim yang telah dijalankan berdasarkan lawatan tapak yang telah dijalankan di pantai-pantai seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dan mendapat maklum balas daripada agensi-agensi terlibat.

Fasa Ketiga

Fasa ketiga adalah sambungan daripada fasa kedua iaitu penyertaan daripada pihak-pihak berkepentingan di mana kesemua peserta bengkel diberi peluang untuk memberi maklum balas mahupun ulasan di atas kajian yang telah dijalankan oleh pasukan kajian.



LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA DELEGASI KOREA 2015 & UNIT NETWORK OPERATION CENTER (NOC), BAHAGIAN ICT, TENAGA NASIONAL BERHAD

Oleh: Bahagian Korporat



Seramai 32 orang wakil daripada delegasi *Korea Water and Wastewater Works Association (KWWA)* yang diketuai oleh Mr. Woon, Seung Won (*KWWA / Project Manager*) telah menghadiri lawatan teknikal pada 22 Julai 2015, bertempat di Pusat Kawalan SMART yang diiringi oleh En. Larry Charles B. Siniun @ Janim, En. Gillan Lio Siang Kwang dan En. Thillappan Subramaniam iaitu wakil dari JPS Malaysia.



Manakala pada 29 Julai 2015, wakil daripada *Unit Network Operation Center (NOC)*, Bahagian ICT, Tenaga Nasional Berhad juga telah mengadakan lawatan teknikal ke Pusat Kawalan SMART. Lawatan itu diketuai oleh En. Pazanon b. Aziz (Ketua Unit NOC) dan manakala wakil JPS Malaysia yang mengiringi kumpulan lawatan iaitu En. Thillappan Subramaniam dan En. Mohamad Fahmi bin Mohamad Ideris.

Lawatan teknikal tersebut menerangkan tentang latar belakang projek SMART Tunnel, sistem operasi SMART Tunnel yang menggunakan sistem SCADA, sistem ramalan banjir, struktur-struktur kawalan yang digunakan dan statistik pengaktifan mod operasi banjir oleh jurutera JPS yang bertugas di bilik kawalan. Peserta juga diberikan penerangan mengenai fungsi Kolam Takungan Banjir Berembang dan struktur-struktur yang terlibat.



Majlis Persaraan PUAN SALMAH BINTI MD YASIN

UNIT PERKHIDMATAN, SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, BKP

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 3 Julai 2015, Bahagian Khidmat Pengurusan telah meraikan Majlis Persaraan Ketua Kerani Puan Salmah binti Md Yasin yang turut dihadiri oleh Pengarah bahagian dan 30 orang kakitangan bahagian.

Terima kasih Puan Salmah Binti Md Yasin, Jasamu tetap dikenang.



SEKALUNG PENGHARGAAN

di atas kerjasama dan jasa baik
yang diberikan kepada JPS semasa menerajui NRE

YB DATUK SERI G. PALANIVEL
MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

YB DATO' SRI DR. JAMES DAWOS MAMIT
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

YBHG DATO' SRI ZOAL AZHA BIN YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR



JPS Updates SIDANG REDAKSI '15

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim

PENYELARAS

Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman

KETUA EDITOR

Ir. Hj. Nishad Mohamed Bin Hj. C.J. Mohd. Shaffy

EDITOR

Ir. Sabri bin Abdul Mulok

PENOLONG EDITOR

Hayati binti Zainal
Nurhayati binti Elias
Firdaus bin Hj. Mohd Mubin
Shafizawati binti Nazirrudin
Noor Asmihan binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Unit Integriti
Bahagian Pengurusan Banjir
Bahagian Bangunan Dan Infrastruktur
Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai
Bahagian Pengurusan Zon Pantai
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Jawatankuasa Pembangunan Islam JPS
PUSPANITA JPS Malaysia

DITERBITKAN OLEH

Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

DIREKA GRAFIK DAN DICETAK OLEH

D WOOD GLOBAL PRINT

Sebarang maklumat dan berita serta
gambar-gambar untuk keluaran akan
datang boleh dihantar kepada kami melalui:

Email : yati@water.gov.my
No. Tel : 03-2615 1765

Email : nurhayati@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : firdausmubine@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1461